

Tiada hujan berterusan di Pantai Timur minggu ini

KUALA LUMPUR 7 Nov. - Jabatan Meteorologi (JMM) meramalkan tidak akan berlaku hujan berterusan di kawasan Pantai Timur, Semenanjung sepanjang minggu ini.

Pengarah Kaji Cuacanya, Low Kong Chiew berkata, keadaan cuaca pada minggu berikutnya belum dapat ditentukan kerana ramalan hanya untuk tempoh seminggu.

"Dalam minggu ini belum ada tanda-tanda hujan lebat berterusan selama tiga hari akan berlaku di Pantai Timur,"

ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar semalam mengenai kemungkinan Kelantan dilanda banjir jika hujan berterusan selama tiga hari oleh Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Kelantan (JPS), Lim Chow Hock.

Negeri-negeri Pantai Timur sering dilanda banjir setiap musim tengkujuh yang mengakibatkan kemusnahan harta benda dan kehilangan nyawa.

Pada Disember 2004, banjir besar yang terburuk dalam tempoh 21 tahun telah meng-

orbangkan 10 nyawa manakala lebih 10,000 orang ditempatkan di pusat pemindahan.

Aktiviti di pusat bandar Kota Bharu menjadi lumpuh selama dua hari setelah keseluruhan bandar itu ditenggelami air lebih satu meter.

Kong Chiew berkata, buat masa ini pihaknya tidak dapat meramalkan bila hujan lebat berterusan selama tiga hari akan berlaku.

"Ramalan hanya boleh dibuat untuk seminggu disebabkan atmosfera yang sentiasa berubah," katanya.

Namun beliau tidak menolak kemungkinan berlakunya hujan lebat berterusan pada musim tengkujuh ini yang bermula pada pertengahan November hingga Mac.

Sementara itu beliau berkata, nelayan-nelayan masih selamat untuk turun ke laut kerana cuaca masih baik dan musim tengkujuh hanya dijangka bermula pada pertengahan November.

Bagaimanapun, JMM akan mengeluarkan amaran jika mendapati ada tanda-tanda cuaca buruk seperti ribut dan hujan lebat yang boleh mendatangkan bahaya.